

Indonesia, sebagaimana yang pernah disangka,tetapi yang kita tujukan ialah kepada orang-orang yang mentadbir negara itu yang menimbulkan kucar-kacir terutamanya atas cita-cita menegakkan negara Islam di Indonesia yang berpenduduk lebih 80 peratus umat Islam. Kita sebutkan lagi di sini hal itu adalah untuk cermin perbandingan, mudah-mudahan diperhati oleh pemimpin-pemimpin kita di dalam memandu negara merdeka yang muda ini supaya tidak membebankan rakyat dengan penderitaan- membawa kesenangan kepada beberapa orang-tetapi bahtera kemerdekaan ini hendaklah diasaskan untuk membawa kebahagian kepada seluruh umat di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Kerana kemerdekaan yang kita dapat ini adalah dengan cara berbaik-baik dan bersefahaman dengan kerajaan British maka hendaknya tenaga yang perlu daripada ahli-ahli orang-orang Inggeris itu jangan ditinggalkan atau dibuang dengan perasaan sentimen tetapi tenaga itu hendaklah diambil untuk memimpin kita ke jalan kebahagiaan kerana kita sendiri sudah melihat bahawa kerana keahlian mereka maka kemakmuran didapat sekalipun sesudah perang dunia yang kedua ini, mereka menderita sepenuh dengan penderitaan.

Tenaga-tenaga ahli yang bukan daripada parti kita sendiri hendaklah didudukkan pada tempatnya yang asal supaya keselamatan pentadbiran terjamin kerana kita melihat bahawa kejatuhan kerajaan-kerajaan kita di seluruh gugusan pulau-pulau Melayu di Semenanjung dari dahulu itu sebab-sebabnya tidak lain kerana berebutkan kedudukan dan mencari maslahat diri. Hingga sekarang keadaan itu kita dapat lihat di negeri-negeri yang sudah merdeka terutamanya di Indonesia di dalam mana perbuatan kedudukan dan maslahat itu membawa kepada kucar-kacir negara dan membawa kepada penderitaan rakyat.

Mudah-mudahan pemimpin-pemimpin yang mentadbirkan negara merdeka sekarang dapat mengkaji dan menghalusi tiap-tiap langkah yang dijalankan supaya membawa kebahagiaan kepada umat di Semenanjung ini terutamanya kepada umat Melayu.

* * *

Kita Dengan Perayaan Mawlid Nabi (SAW)

Sesudah menyambut perayaan merdeka maka timbulah pula perayaan menyambut hari jadi junjungan kita Muhammad (SAW) yang biasa disambut dengan meriahnya di negara-negara kita di sebelah Timur ini. Sambutan ini sudah teradat diadakan dengan sebeginu rupa, di sana sini diadakan perarakan dengan perasaan atau tujuan kerana menghormati junjungan kita Muhammad (SAW) perbuatan itu adalah menjadi tanda bahawa kita memuliakan dan menunjukkan kasih sayang kepada junjungan kita.

Tiap-tiap tahun kita mengadakan perayaan itu tetapi sesudah habis perayaan keadaan dan kedudukan masyarakat kita, tidak juga berubah - habis perayaan, habis temasya yang meriah itu, maka keadaan masyarakat kita mendap semula, berkeadaan pula seperti sedia kala. Padahal segala tujuan dan maksud mengadakan perayaan itu tidak lain dan tidak bukan adalah kerana hendak memuliakan junjungan kita dan di sebalik menghormati itu maka hendaklah kita menjalankan suruhan-suruhannya, menerima pengajaran-pengajaran yang disampaikan olehnya, dan menjauhkan segala larangan-larangan yang diperintahkan kepadanya untuk disampaikan kepada kita, jangan melakukannya.

Sekarang Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka. Di dalam kemerdekaan itu pula disebut bahawa agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah agama Islam. Dan dengan sempena ini, dalam menyambut maulid Nabi (SAW) maka sangat utama bagi Persekutuan Tanah Melayu supaya

bekerja menyampaikan ajaran-ajaran yang disampaikan oleh junjungan kita (SAW) kepada masyarakat kita dan sebagai binaan utama hendaklah kita menjalankan pengajaran-pengajaran bagi anak-anak kita semenjak dari kecilnya supaya terbentuk di dalam dirinya kelak pelajaran-pelajaran agama untuk membimbing umatnya pula di kemudian hari.

Kita sama-sama mengetahui bahawa ajaran yang disampaikan oleh junjungan kita daripada Tuhan itu kepada kita, adalah dengan suatu cara yang luas dan meliputi yang tidak ada sepertinya di dalam agama-agama lain. Kita mengetahui bahawa di dalam ajarannya, pergaulan dan akhlak disusun dengan sebegini rupa sehingga apabila diikuti sudah terang akan menjadikan masyarakat kita suatu masyarakat yang terbaik yang akan menjadi contoh kepada orang lain. Tetapi malangnya setelah pelajaran-pelajaran kemasyarakatan itu tidak diajarkan dan tidak ditunjukkan kepada masyarakat kita terutamanya tidak langsung diajarkan di dalam sekolah-sekolah, kita dapat bahawa murid-murid dari madrasah sendiri akhlaknya menjadi tidak baik, adabnya tidak sopan dan betapakah pula halnya anak-anak itu yang tidak diberi pelajaran agama dan sebab itulah kita melihat anak-anak itu kasar tabiatnya, kasar kelakuannya dan kesudahannya apabila tidak terdidik daripada kecil kekasaran itu membawa kepada masa besarnya dan tepatlah sebagaimana kata pepatah: Apabila kecil terenja-enja sudah besar terbawa-bawa – kelakuan yang tidak berbudi dari masa kecil itu membawa pula kepada lebih-lebih tiak berbudi dan kelakuan tidak baik pada masa besarnya.

Di dalam Malaya merdeka, kemerdekaan yang baru kita capai ini maka hendaklah ahli-ahli pendidikan mencari suatu jalan mengadakan bentuk pelajaran yang akan mengutamakan pelajaran-pelajaran yang mengenai adab dan tertib. Kita mengetahui bahawa di dalam agama-agama lain pelajaran itu khusus diajarkan supaya mereka itu mempunyai

tata tertib yang baik, tetapi malangnya pelajaran itu tidak langsung diajarkan kepada anak-anak kita dan akibatnya sehingga kita melihat betapa tertibnya orang-orang yang berpelajaran dengan terus terang kita akui, di sekolah-sekolah Kristian daripada tertib anak-anak kita.

Kesalahan itu, yang telah lalu tidak dapat kita salahkan kepada sesiapa, tetapi moleknya dalam kita menyambut *Mawlid al-Nabiyyi al-sharif* ini yang datangnya sesudah merdeka kita umat Islam meletakkan azam yang kuat dan tetap untuk kita bekerjasama membina anak-anak kita supaya berakhlaq dengan akhlak yang baik, tahu aturan-aturan hidup dan bermasyarakat mengikut yang diperintahkan dan yang disampaikan oleh junjungan kita Muhammad (SAW). Kita tentu sama-sama mengetahui bahawa walau bagaimana tingginya pengetahuan kita, walau bagaimana tingginya pelajaran yang kita dapat di sekolah-sekolah semuanya itu tidak akan sempurna kalau tidak dadanya berisi dengan akhlak dan budi pekerti yang baik, mempunyai adab sopan yang baik, mempunyai peraturan-peraturan hidup dengan bimbingan yang baik sehingga ia mengetahui kewajipan dan tanggungjawabnya di dalam masyarakatnya seperti yang diajarkan oleh Islam.

Sebagaimana dikatakan tadi bahawa di dalam Islam mempunyai peraturan-peraturan hidup mulai sejak terbuka matanya dari tidur, masuk ke bilik air, mandi, makan, ke pelajaran, kepada guru, kepada ibu bapa, kepada jiran, kepada kampung, kepada negara dan seterusnya. Apabila kita dapat memaham tanggungjawab seseorang di dalam dirinya, maka percayalah ia akan menjadikan tiap-tiap pemeluknya orang yang tahu tanggungjawab dan kewajipannya kepada masyarakat dan perkara inilah hendaknya lebih dahulu dibina daripada mengalirkan mereka itu kepada jalan yang lain yang menghendaki supaya mereka itu menjadi orang-orang siasah.